

LORATYN-10 TABLET

Loratadine (10mg)

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Loratyn-10 Tablet
2. Bagaimana Loratyn-10 Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Loratyn-10 Tablet
4. Cara menggunakan Loratyn-10 Tablet
5. Semasa menggunakan Loratyn-10 Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Loratyn-10 Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Loratyn-10 Tablet

Loratyn-10 Tablet digunakan untuk melegakan gejala yang berkaitan dengan rinitis alergi, seperti bersin, hidung berair, gatal dan mata gatal. Ia juga digunakan untuk melegakan simptom dan tanda-tanda geligata jangka panjang dan masalah alahan kulit yang lain.

Bagaimana Loratyn-10 Tablet berfungsi

Loratyn-10 Tablet mengandungi bahan aktif loratadine yang tergolong dalam kelas ubat yang dipanggil anti-histamin. Ia boleh membantu mengurangkan simptom alahan anda dengan menghentikan kesan bahan yang dipanggil histamin, yang dihasilkan dalam badan apabila anda alah kepada sesuatu.

Sebelum menggunakan Loratyn-10 Tablet

-Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan ubat ini jika anda alah (hipersensitif) kepada loratadine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (lihat bahagian Maklumat Lanjut).

-Sebelum menggunakan Loratyn-10 Tablet

Maklumkan doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sebelum mengambil Loratyn-10 Tablet jika anda mengalami/mempunyai:

- penyakit hati.
- halangan di leher pundi kencing.
- pembesaran kelenjar prostat.
- ketidakupayaan untuk membuang air kecil.
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata).
- alahan kepada antihistamin yang lain.

-Kehamilan dan penyusuan

Beritahu doktor anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu. Loratadine dirembeskan ke dalam susu ibu.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat anda jika anda sedang mengambil, baru-baru ini mengambil atau mungkin mengambil sebarang ubat yang lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diambil tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat anda jika anda mengambil:

- ketoconazole (anti-kulat)
- erythromycin (antibiotik)
- cimetidine (ubat untuk pedih ulu hati)

Cara menggunakan Loratyn-10 Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan remaja berumur 12 tahun ke atas: 1 tablet sekali sehari.

Jika anda mempunyai masalah hati yang teruk, doktor atau ahli farmasi anda mungkin menasihati anda untuk mengambil 1 tablet setiap dua hari atau setengah tablet sekali sehari. Jika ini berkenaan dengan anda, ikut arahan mereka.

- Bila perlu digunakan

Gunakan 1 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Loratyn-10 Tablet selama yang disyorkan oleh doktor anda.

-Jika anda terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil dos anda, ambilkan sebaik sahaja anda ingat, kemudian teruskan mengambilnya mengikut jadual seperti biasa.

Jika hampir tiba masanya untuk dos seterusnya, tunggu sehingga kemudian untuk mengambil ubat dan langkau dos yang terlepas.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

LORATYN-10 TABLET

Loratadine (10mg)

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Gejala terlebih dos termasuk mengantuk, degupan jantung menjadi lebih cepat yang tidak normal dan sakit kepala.

Semasa menggunakan Loratyn-10 Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Baca risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini kerana ia mengandungi maklumat penting untuk anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berikan Loratyn-10 Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda mesti berbincang dengan doktor jika anda tidak berasa lebih baik atau jika anda berasa lebih teruk. Sentiasa ambil ubat ini mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak

memahami arahan pada label, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Beberapa kesan sampingan adalah seperti:

- sakit kepala
- loya
- keletihan
- keguguran rambut
- tindak balas alahan yang teruk
- fungsi hati yang tidak normal

Lawati doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Ini termasuk kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melawati laman web npra.gov.my [Pengguna→Melaporkan Kesan Sampingan kepada Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Loratyn-10 Tablet

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada kelembapan.

-Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk membuang ubat yang

anda tidak gunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Loratyn-10 Tablet ialah tablet tidak bersalut, berwarna putih, berbentuk bujur, sedikit cembung, bergaris pada satu permukaan dan ukiran "H 10" pada permukaan yang sama.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif: Loratadine.

-Bahan tidak aktif: Lactose Monohydrate, Cornstarch, Polyvinylpyrrolidone K-30 (Povidone), Sodium Starch Glycolate, Colloidal Silicon Dioxide, Magnesium Stearate.

-Nombor MAL:

MAL20014527AZ

Pengilang

Hovid Bhd.

Lot 56442, 7 1/2 Miles, Jalan Ipoh/ Chemor, 31200 Chemor, Perak, Malaysia.

Pemegang

Pendaftaran

Produk

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

07/03/2024

Nombor siri:

NPRA(R4/1)070324/00032